

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJJAH MAS ERMIEYATI BINTI
HAJI SAMSUDIN
KAWASAN : MASJID TANAH

SOALAN :

YB DATUK WIRA HAJJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah kemalangan di hadapan persimpangan Simpang 3 berhadapan Klinik Kesihatan Masjid Tanah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya amat prihatin dengan isu keselamatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di hadapan persimpangan Simpang 3 berhadapan Klinik Kesihatan Masjid Tanah. Untuk makluman, persimpangan ini berada di laluan Persekutuan FT005, Seksyen 256, Daerah Alor Gajah, Negeri Melaka.

Dalam Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11), Kerajaan telah menyediakan peruntukan di bawah program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya. Peruntukan ini digunakan untuk menaiktaraf dan merawat lokasi-lokasi *blackspots* di jalan-jalan persekutuan seluruh negara yang ditentukan berdasarkan data kemalangan terkini POL27 daripada Polis Di Raja Malaysia (PDRM). Berdasarkan semakan data kemalangan dalam tempoh 3 tahun terkini (2017 hingga 2019) daripada PDRM mendapati lokasi ini tidak termasuk di dalam lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspots*).

Namun begitu pihak kementerian sentiasa memantau dari semasa ke semasa dan pihak JKR Daerah juga sentiasa mengambil langkah awal untuk mengelakkan kejadian kemalangan di lokasi ini dengan menambah perabot jalan seperti, papan tanda amaran, tandaan jalan dan redaan trafik untuk memperlahankan halaju kenderaan menghampiri kepada persimpangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini Kementerian akan melaksanakan penambahbaikan terhadap satu lokasi kerap kemalangan di laluan yang sama iaitu di Laluan FT005, seksyen 248 - 251 yang melibatkan kos rawatan sebanyak RM350 ribu.

Sekian, terima kasih.